



MESKIPUN hidup di dalam perkampungan yang sama, warga Bangladesh ini lebih suka mengasingkan diri.

Oleh BAZUKI MUHAMMAD  
bazuki@bazuki.com

**S**ATU persatu kelibat manusia membuka pintu besi tidak bertombol di sebuah perkampungan yang barangkali didirikan sendiri warga asing di tengah-tengah ibu kota.

Telahan penulis mungkin benar lantaran pakaian kebanyakan mereka yang dilihat seperti baru pulang bekerja, nampak kotor dan comot.

Tona warna kulit mereka yang gelap juga sudah dapat mentafsirkan jenis kerja yang dilakukan. Biasanya, itulah gambaran seorang pekerja kontraktor binaan

# Perkampungan kecil warga asing

kosmo 5/7/2011  
MS 22.

di Kuala Lumpur.

Langkah masing-masing nampak lemah longlai pada lewat petang itu. Tiada senyuman yang diukir. Peluh di dahi di-biarkan menitis begitu saja.

Perkampungan yang betul-betul terletak di nadi ibu kota dan dipagari itu tidak bernama. Agaknya, pada bila-bila masa, kalau diajak membeli-belah di pusat beli-belah di KLCC mereka tidak ada masalah. Lokasi penempatan mereka juga kurang 300 meter (m) dari kompleks beli-belah terkenal itu.

"Awak datang sini ambil gambar ada apa-apa isu ke, nanti keluar suratkhbar ke?" sapa seorang lelaki bertubuh sasa yang menoktahkan pemerhatian jitu penulis di kawasan yang dijadikan tempat berlindung sekumpulan warga asing yang didominasi warga Indonesia. Suku daripada mereka yang tinggal di perkampungan tersebut berasal dari Bangladesh.

Lelaki itu yang mengaku berasal dari suku Madura, Indonesia jelas tidak senang dengan kehadiran seorang pëtugas media. Penulis bertindas menjauhkan diri daripadanya dan mendekati beberapa penghuni-penghuni lain.

Ternyata, mereka jauh lebih mesra. Dengan hati terbuka, seorang lelaki yang selesa mahu disapa dengan nama Pak, 30-an, mempelawa penulis melewati kediaman mereka yang berupa sebuah kabin yang bersaiz kecil.

"Inilah rumah saya, tempat saya berlindung," katanya. Bagaimanapun, sukar untuk mendefinisikan kediamannya adalah sebuah rumah.

Ruang yang agak sempit memaksa kabinnya menjadi pusat sehenti untuk semua aktiviti termasuk bersantai, menonton TV waima untuk melelapkan mata.

Di kabin tersebut kelihatan pakaian

## Mencari rezeki di perantaraan menjadikan sesetengah warga asing sanggup menempuh apa saja halangan termasuk tinggal di dalam kabin yang kecil, tidak selesa dan kemudahan asas yang terhad.

disangkut merata-rata, tiada perabot mewah atau katil. Lantai adalah tilam mereka. Namun lelaki yang tinggal bersama isterinya itu mempunyai kelengkapan sebuah TV dan kipas angin.

Ruang antara kabin terbentang sebuah sofa lusuh. Di situlah, dia bersama rakan-rakan senegara melabuhkan punggung bersebang pada setiap petang dan malam.

### Mencari rezeki

Kawasan itu nampak gersang dan berdebu. Getus hati penulis, kediaman seperti ini memang tidak sesuai untuk didiami orang melainkan individu yang terdesak seperti warga asing yang mencari rezeki di negara ini.

Tetapi kebanyakan mereka seperti tidak kisah. Yang penting ada tempat berteduh dan bebas daripada gangguan, mungkin itu saja yang bermain di fikiran mereka.

Lelaki yang berleenggeng dan hanya memakai kain pelekat itu meminimumkan percakapannya. Namun daripada loghat bahasanya, dia boleh disifatkan sebagai sudah lama menetap di negara ini.

"Alhamdulillah semuanya baik-baik saja, semua orang pun sama," katanya ringkas.

Sememangnya, perkampungan yang berkeluasan kira-kira 50 X 50 meter itu seperti sudah dikenali oleh penduduk tempatan. Hadirnya beberapa penjaja warga tempatan yang menjual barang-barang runcit dengan motosikal menyebabkan penulis berani berkata demikian.

Seperti sudah ada waktu-waktu tertentu, beberapa penduduk berpusu-pusu keluar dari celah pintu dan membeli ba-

SEPERTI amalan di kampung-kampung, setiap petang pendatang-pendatang Indonesia ini akan bersebang sesama mereka.





SEORANG warga Bangladesh membeli keperluan dapur yang dijual oleh vendor yang datang ke tempat berkenaan.



NAMPAK USANG. Bagi warga asing ini, soal keselesaan tempat tinggal bukanlah menjadi keutamaan.



IKAN bakar dipanggang dan kemudiannya akan dihidangkan untuk dinikmati beramai-ramai.

Kosmo 5/7/2011 MS 23.

◀ rangan keperluan asas seperti beras, gula tepung dan sebagainya.

Pada petang itu juga penulis dapat merumuskan, warga asing ini juga menjalani kehidupan mereka di negara mereka sama seperti kehidupan kita. Mereka turut mahu menikmati hiburan.

Beberapa wanita berpakaian cantik dengan solekan tebal keluar dari pintu besi itu untuk ke bandar.

"Saya mahu ke Bukit Bintang," kata salah seorang daripada mereka dengan nada bersahaja.

### Kabin kelamin

Di wilayah perkampungan yang ditakluki kira-kira 20 hingga 30 orang warga asing itu secara keseluruhannya mempunyai lebih daripada 10 kabin. Ada kabin kelamin tetapi lebih banyak yang tinggal bersama rakan-rakan.

terbaik untuk mengambil foto, pandangan penulis terarah kepada seorang wanita warga emas dalam lingkungan umur 50-an, yang sedang menghidupkan unggun api di tengah-tengah laman kabin.

Wanita yang berkain batik Jawa itu dilihat membakar beberapa ekor ikan dan kemudiannya membawa ke kabinnya.

Menghampiri pukul 7 malam, kabinnya dikerumuni oleh sebilangan warga Indonesia. Penulis diajak duduk semeja untuk menikmati makan malam oleh wanita tersebut.

"Saya bukannya berniaga tapi tolong masak untuk semua orang. Marilah makan, jangan pergi kerja dulu, mari makan," katanya ibarat penghulu di perkampungan itu.

Menu pada petang itu ialah nasi pu-

tih, ikan panggang, gulai dan sambal kicap. Masing-masing makan dengan lahap.

Sangkaan penulis bahawa ia berupa kedai sama sekali meleset kerana tempat itu dijadikan 'pusat' untuk mereka bermuzakarah dan berbual-bual bersama rakan senegara.

Barangkali, wanita itu yang disapa penulis dengan nama 'ibu', dibayar sejumlah wang setiap bulan sebagai tanda terima kasih para penghuninya.

### Sentimen dua warganegara

Benar kata orang, kadangkala budaya yang berbeza berupaya menjarakkan hubungan. Walaupun warga Indonesia dan Bangladesh berada dalam satu perkampungan, mereka dilihat seperti membuat hal masing-masing.

Buktinya, keriuhan di tempat makan

tadi menyaksikan tiada seorang pun warga Bangladesh yang turut serta. Sebaliknya, rakyat Asia Selatan itu dilihat bersendirian menyediakan makanan di kabin masing-masing.

Boleh jadi itulah gambaran rutin yang dilalui oleh mereka saban hari. Rasanya, tidak perlulah untuk menggali terlalu jauh tentang hubungan kedua-dua warga asing tersebut.

Seperti kata seorang warga Indonesia kepada penulis: "Kami mencari rezeki halal di sini." Benar, jika mahu menyekat warganegara asing ke Malaysia, mungkin banyak projek negara yang terbengkalai.

Siapakah yang sanggup berjemur di tengah-tengah panas kalau bukan mereka?

Lokasinya yang dikelilingi bangunan pencakar langit dan apartmen mewah itu menyebabkan bunyi lalu-lalang kendaraan hanya sayup-sayup kedengaran. Seperkara yang baru disedari, tiada satu pun bayang kanak-kanak kelihatan.

Justeru, dapat diramal matlamat mereka merantau ke negara ini. Kesemua hanya mencatur untuk mengumpul sebanyak mungkin wang di Malaysia. Kemudian kembali ke negara asal dengan membawa harta yang melimpah-ruah.

Daripada pemerhatian rambang, kebanyakannya adalah pekerja binaan, pekerja kilang dan tukang cuci di sekitar Kuala Lumpur. Tiada kerja-kerja pembinaan di kawasan berhampiran ketika itu.

Kehidupan di perkampungan yang tidak bernama itu segala-galanya dikongsi. Warga asing tersebut sedikit pun tidak rasa kekok berkongsi satu bilik air tanpa dinding antara lelaki dan perempuan.

Tidak tahu dari mana sumber air diperoleh namun yang pasti terdapat sebuah kolah air besar.

Sedang penulis sibuk mencari sudut



# Kemelut kekurangan pekerja asing di Malaysia

SEJAK tiga dekad lalu, ekonomi negara banyak dipacu oleh tenaga kerja asing dari Indonesia, Filipina, Bangladesh dan Nepal untuk bekerja di sektor yang diuji oleh rakyat tempatan.

Bagaimanapun, keputusan kerajaan baru-baru ini yang menghantar sebilangan warganegara asing bagi mengurangkan bilangan pendatang asing tanpa izin (PATI), mewujudkan kebimbangan bagi segelintir pihak.

“Jika gagal mendapatkan pekerja dalam

kalangan rakyat tempatan, kita akan kerugian dalam pengeluaran segmen kos rendah. Pelabur-pelabur tidak mahu datang ke Malaysia dan pertumbuhan ekonomi akan menjadi lebih perlahan,” kata Pakar Ekonomi Credit Suisse, Kun Lung Wu.

Untuk rekod, jumlah pekerja asing di negara ini mencecah 2 juta orang.

Kini, sektor perladangan khususnya kelapa sawit mengalami kekurangan pekerja. Pada masa yang sama, firma kelapa

sawit milik Malaysia yang sedang berkembang pesat di Indonesia, menjadi satu sebab mengapa pekerja Indonesia tidak perlu berhijrah ke negara ini.

“Malaysia akan mula kehilangan pekerja asing dari Indonesia, perkembangan ekonomi yang semakin baik di Indonesia menyebabkan semakin ramai rakyat republik ini mencari pekerjaan di negara mereka sendiri,” kata jurucakap Kedu-taan Indonesia di Malaysia, Suryana Sa-tradireja.

Ekonomi republik itu juga diramal oleh penganalisis akan berkembang sebanyak 6.4 peratus pada tahun ini iaitu ketiga tertinggi di Asia selepas China dan India.

Menurut Ketua Pegawai Centennial Asia Advisors, Singapura, Manu Bhaskaran, adalah penting untuk Malaysia mengatasi pergantungan pekerja asing yang murah supaya dapat mengelak perangkap kepada negara berpendapatan sederhana. - Reuters